



# PENGELUARAN KEMATIAN

## TUJUAN

Pengeluaran ini membolehkan penama / wasi / pentadbir pusaka / waris terdekat ahli mengeluarkan simpanan KWSP apabila ahli meninggal dunia.

## KELAYAKAN MEMOHON

### A. SIMPANAN KWSP AHLI

- Anda boleh memohon pengeluaran simpanan ahli yang telah meninggal dunia sekiranya :-
  - Anda adalah **penama** ke atas simpanan KWSP ahli; **ATAU**
  - Jika **tiada penamaan**, anda adalah Pentadbir Pusaka ahli / waris ahli yang terdekat.
- Bagi simpanan ahli yang meninggal dunia **tanpa penamaan**, orang yang layak memohon adalah mengikut keutamaan berikut :-
  - Jika ahli telah berkahwin**
    - Pentadbir Pusaka ahli
    - Balu atau duda ahli
    - Anak-anak atau penjaga mereka
    - Bapa dan / atau ibu ahli
    - Adik-beradik ahli
    - Sesiapa yang mengikut budibicara KWSP sebagai orang yang berhak menerima simpanan KWSP ahli
  - Jika ahli belum berkahwin**
    - Pentadbir Pusaka ahli
    - Bapa dan / atau ibu ahli
    - Adik-beradik ahli
    - Sesiapa yang mengikut budibicara KWSP sebagai orang yang berhak menerima simpanan KWSP ahli

### B. BANTUAN KEMATIAN

Selain daripada simpanan KWSP ahli yang meninggal dunia, bantuan kematian boleh dibayar mengikut **budibicara KWSP** kepada mana-mana orang tanggungan seperti berikut :-

- Balu atau duda ahli
- Anak-anak ahli
- Bapa atau ibu ahli.

## SYARAT-SYARAT PENGELUARAN

### A. SIMPANAN AHLI YANG ADA PENAMAAN

- Orang yang dinamakan (penama) boleh memohon pengeluaran simpanan ahli yang meninggal dunia dengan syarat penama telah mencapai umur 18 tahun.
- Mana-mana penama di bawah umur 18 tahun tidak layak membuat permohonan sehingga penama mencapai umur 18 tahun. Bagaimanapun, penjaga kepada penama boleh mengemukakan permohonan berserta surat rayuan menyatakan alasan permohonan, tertakluk kepada budibicara KWSP.
- Bagi ahli yang **beragama Islam**, jika penama meninggal dunia sama ada **sebelum atau selepas** kematian ahli, pemohon yang layak adalah waris terdekat ahli yang meninggal dunia. Ini kerana penama adalah sebagai wasi atau pentadbir bagi simpanan KWSP ahli yang meninggal dunia.
- Bagi ahli **bukan beragama Islam**, jika penama meninggal dunia
  - sebelum** kematian ahli, pemohon yang layak adalah waris terdekat ahli yang meninggal dunia.
  - selepas** kematian ahli, pemohon yang layak adalah waris terdekat penama. Ini kerana penama adalah pemilik mutlak simpanan ahli yang meninggal dunia.

### B. SIMPANAN AHLI YANG TIADA PENAMAAN

Pentadbir Pusaka ahli / waris ahli yang terdekat boleh memohon untuk mengeluarkan simpanan ahli yang telah meninggal dunia.

### C. BANTUAN KEMATIAN

- Ahli yang meninggal dunia mestilah seorang warganegara Malaysia; **ATAU** bukan warganegara Malaysia yang ;
  - Menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; **ATAU**
  - Mendapat taraf Penduduk Tetap.(Bukan warganegara yang memilih mencarum pada dan selepas 1 Ogos 1998 adalah tidak layak mendapat bayaran bantuan kematian).
- Ahli meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun.
- Permohonan diterima dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian ahli.

- (iv) Bantuan sebanyak RM2,500.00 akan dibayar sekali sahaja mengikut budibicara KWSP kepada mana-mana orang tanggungan ahli.
- (v) Ahli masih mempunyai simpanan semasa permohonan pengeluaran kematian dibuat.

## AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

### A. SIMPANAN AHLI YANG ADA PENAMAAN

- Jika anda adalah penama yang layak, anda boleh mengeluarkan bahagian yang dinamakan kepada anda.

### B. SIMPANAN AHLI YANG TIADA PENAMAAN

Bayaran akan dibuat kepada waris yang mengikut budibicara KWSP berhak menerima pusaka ahli tertakluk kepada jumlah simpanan ahli seperti berikut :-

- (i) Jumlah simpanan tidak melebihi RM2,500.00
  - Semua simpanan ahli akan dibayar kepada waris.
- (ii) Jumlah simpanan melebihi RM2,500.00 dan kurang daripada RM25,000.00
  - Bayaran RM2,500.00 akan dibayar kepada waris sebagai ansuran pertama jika permohonan diterima kurang dua bulan dari tarikh kematian ahli.
  - Baki semua simpanan ahli akan dibayar kepada waris selepas tempoh dua bulan dari tarikh kematian ahli;  
**ATAU**
  - Bayaran sekaligus semua simpanan kepada waris jika permohonan diterima selepas dua bulan dari tarikh kematian ahli.
- (iii) Jumlah simpanan ahli yang melebihi RM25,000.00
  - Bayaran RM2,500.00 akan dibayar kepada waris sebagai ansuran pertama jika permohonan diterima kurang dua bulan dari tarikh kematian ahli; **DAN**
  - Bayaran kedua tidak melebihi RM17,500.00 dibayar kepada waris selepas dua bulan dari tarikh kematian ahli;  
**ATAU**
  - Bayaran RM20,000.00 kepada waris jika permohonan diterima selepas dua bulan dari tarikh kematian ahli; **DAN**
  - Baki semua simpanan ahli akan dibayar kepada orang yang mengemukakan Surat Kuasa Mentadbir / Surat Probet / Perintah Pembahagian / Sijil Faraid.
- (iv) Sekiranya Surat Kuasa Mentadbir / Surat Probet / Perintah Pembahagian / Sijil Faraid dikemukakan pada masa permohonan pengeluaran dibuat, bayaran akan dibuat kepada orang / pentadbir yang dilantik sahaja mengikut bahagian yang dinyatakan dalam dokumen berkenaan. Lembaga KWSP boleh membayar simpanan ahli berdasarkan mana-mana dokumen di atas yang diterima dahulu dan pembayaran yang dibuat adalah pelepasan yang sah bagi Lembaga KWSP.

#### NOTA :

KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli di Institusi Pengurusan Dana (IPD) apabila ahli meninggal dunia.

## SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

### A. PERMOHONAN DARI PENAMA / WARIS / PENJAGA ATAU PENTADBIR PUSAKA

BIL.	DOKUMEN UTAMA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9KM (AHL)
2.	<b>Sijil Kematian Ahli</b> <u>Nota :</u> Bagi anggota tentera / polis yang meninggal dunia dalam perkhidmatan perlu kemukakan Surat Pengesahan Kematian oleh Majikan.
3.	<b>Kad Pengenalan Diri Pemohon</b> (a) MyKad / Kad Pengenalan Polis / Kad Pengenalan Tentera / Kad Pengenalan Permastautin Tetap (MyPR) <b>ATAU</b> (b) Pasport. Jika bukan warganegara Malaysia.
4.	<b>Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Pemohon</b> Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan <b>ATAU</b> Penyata Akaun Semasa <b>ATAU</b> Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun <b>ATAU</b> Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web <u>Nota :</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik</li> <li>• Akaun bank mestilah yang masih aktif</li> </ul> <u>Nota :</u> (Dokumen asal dikecualikan jika pemohon dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketetapan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun pemohon gagal. Bagi permohonan pengeluaran kematian yang melibatkan pentadbir bersama, salinan buku bank di atas nama pentadbir bersama adalah diperlukan)
<b>DOKUMEN SOKONGAN BAGI SIMPANAN AHLI YANG ADA PENAMAAN</b>	
1.	Sijil Kelahiran penama, jika penamaan yang didaftar oleh ahli menggunakan Sijil Kelahiran penama
2.	Surat rayuan <b>DAN</b> Sijil Kelahiran penama, jika pemohon merupakan penjaga kepada penama yang belum mencapai umur 18 tahun
3.	Laporan Perubatan menyatakan tahap kesihatan penama daripada mana-mana Pengamal Perubatan Berdaftar (bagi pemohon yang merupakan penjaga kepada penama yang tidak berupaya daripada segi fizikal atau mental untuk mengurus dirinya).

DOKUMEN SOKONGAN BAGI SIMPANAN AHLI YANG TIADA PENAMAAN	
1.	<p><b>Ahli KWSP (Si Mati) Belum Berkahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Kelahiran Ahli, sekiranya pemohon adalah ibu atau bapa ahli; <b>ATAU</b></li> <li>Sijil Kelahiran Ahli, Sijil Kelahiran Pemohon serta Sijil Kematian Ibu bapa ahli, sekiranya pemohon adalah adik beradik ahli.</li> </ul>
2.	<p><b>Ahli KWSP (Si Mati) Telah Berkahwin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Nikah / Sijil Perkahwinan Ahli / Cabutan Daftar Perkahwinan.</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Jika maklumat perkahwinan tidak lengkap, Sijil Kelahiran Anak Ahli perlu dikemukakan.</p>
3.	<p><b>Ahli KWSP (Si Mati) Bukan Islam Telah Berkahwin Sebelum 1 Mac 1982</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Akuan Sumpah Kahwin <b>DAN</b> Sijil Kelahiran Anak Ahli.</li> </ul>
4.	<p><b>Ahli KWSP (Si Mati) Telah Bercerai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Penceraian Ahli; <b>DAN</b></li> <li>Dokumen bukti pertalian ahli dengan pemohon</li> </ul>
5.	<p><b>Surat Kuasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Kuasa Mentadbir / Probet (Mahkamah Tinggi); <b>ATAU</b></li> <li>Perintah Pembahagian (Pejabat Tanah); <b>ATAU</b></li> <li>Sijil / Perintah Faraid (Mahkamah Syariah); <b>ATAU</b></li> <li>Surat Kuasa Amanah Raya Berhad (ARB)</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Salinan surat kuasa <b>perlu disahkan oleh pengeluar surat kuasa</b> atau sekiranya <b>dokumen asal atau pendua dikemukakan, salinan dokumen surat kuasa berkenaan boleh disahkan oleh pegawai kaunter KWSP</b>. Surat kuasa yang dicetak secara 'online' juga perlu disahkan oleh pengeluar surat kuasa yang berkenaan. Pihak Peguam adalah tidak dibenarkan sebagai pengesah kepada salinan surat kuasa.</p>
6.	<p><b>Penama Meninggal Dunia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sijil Kematian Penama</li> </ul>

#### B. PERMOHONAN DARI PEMEGANG AMANAH (AGENSI YANG DILANTIK DI BAWAH AKTA PEMEGANG AMANAH)

BIL.	DOKUMEN UTAMA
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9KM (AHL) (PA)
2.	Sijil Kematian Ahli
3.	<p>Surat Kuasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Kuasa Mentadbir / Probet (Mahkamah Tinggi); <b>ATAU</b></li> <li>Perintah Pembahagian (Pejabat Tanah); <b>ATAU</b></li> <li>Surat Kuasa Amanah Raya Berhad (ARB)</li> </ul> <p><u>Nota:</u> Salinan surat kuasa <b>perlu disahkan oleh pengeluar surat kuasa</b> atau sekiranya <b>dokumen asal atau pendua dikemukakan, salinan dokumen surat kuasa berkenaan boleh disahkan oleh pegawai kaunter KWSP</b>. Surat kuasa yang dicetak secara 'online' juga perlu disahkan oleh pengeluar surat kuasa yang berkenaan. Pihak Peguam adalah tidak dibenarkan sebagai pengesah kepada salinan surat kuasa.</p>

#### NOTA:

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

#### **PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON**

- KWSP hanya memproses permohonan Pentadbir Bersama yang dilantik melalui Surat Kuasa Mentadbir (*'Letter of Administration'*) jika pentadbir-pentadbir yang dilantik mengemukakan permohonan serentak.
- Bagi ahli yang beragama Islam, penama / pemohon adalah bertindak sebagai wasi / pentadbir simpanan itu sahaja. Mereka dinasihatkan supaya mentadbir dan membahagikan simpanan KWSP ahli mengikut Hukum Islam (Faraid).
- KWSP boleh membayar kredit ahli berdasarkan mana-mana Pemberian Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian atau Sijil / Perintah Faraid yang diterima dahulu dan pembayaran yang dibuat merupakan pelepasan yang sah bagi Lembaga.
- Sekiranya pemohon / penama adalah orang tanggungan ahli, Bantuan Kematian akan dibayar bersama simpanan ahli dan tidak perlu kemukakan permohonan berasingan **ATAU** Sekiranya pemohon bukan penerima simpanan ahli, pemohon perlu melengkapkan **Borang KWSP 9 KM (AHL)** dan mengemukakan permohonan berserta salinan fotostat dokumen bukti hubungan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian ahli (KWSP berhak untuk tidak membayar Bantuan Kematian jika permohonan lewat dikemukakan dalam tempoh ditetapkan).
- Sila pastikan maklumat dalam borang permohonan iaitu **'Status Pekerjaan : Pekerja Kerajaan Berpencen'** dinyatakan dengan tepat. Sekiranya, si mati adalah **anggota sektor awam di bawah Skim Pencen Kerajaan**, pemohon dinasihatkan untuk memastikan pengembalian syer kerajaan telah dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum permohonan Pengeluaran Kematian dikemukakan. Ini bagi memastikan syer kerajaan dikembalikan kepada KWAP bagi pembayaran ganjaran dan pencen.
- Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**  
Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007].

## KAEDAH BAYARAN

### (i) Bayaran Dalam Malaysia

- Semua bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemohon dengan syarat :-
  - a. Pemohon mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
  - b. Akaun bank pemohon masih aktif; **DAN**
  - c. Nombor pengenalan diri pemohon adalah sama dengan rekod bank.
  - d. Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank pemohon seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

### (ii) Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan pemohon di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh pemohon dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing

Nota :

KWSP akan membuat pengesahan semula dengan pemohon sekiranya jenis matawang yang dipilih dalam borang permohonan tiada dalam senarai yang dibenarkan atau sebelum menukar jenis matawang kepada USD Dollar.

## CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos.

### SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama **SEMUA** dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

### SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

**KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

Karung Berkunci No. 220  
Jalan Sultan  
46720 Petaling Jaya  
**SELANGOR**

## PERTANYAAN

Jika anda mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP, Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP ahli atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang anda pohon apabila berurusan dengan KWSP. Anda juga boleh melayari laman web KWSP di alamat [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada pemohon.

***Anda Keutamaan Kami***

Tarikh Cetakan : Oktober 2012